

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap individu yang menyebarkan berita tidak benar dan adakah Kementerian bercadang mewujudkan kembali Akta Anti Berita Tidak Benar.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dia maklum, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*] telah berkuat kuasa pada 11 April 2018. Setakat 31 Ogos 2019, sebanyak 1 kes pertuduhan di bawah subseksyen 4(1) Akta 803 telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Seterusnya, 3 permohonan perintah penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar di bawah subseksyen 7(1) Akta 803 telah didengar dan dilupuskan di mana sebanyak 2 permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan 1 lagi permohonan didengar di Mahkamah Sesyen Melaka.

2. Pelbagai pihak telah menentang Akta 803 dengan alasan telah sedia ada undang-undang berkaitan berita palsu, laporan palsu dan penyalahgunaan media sosial antara lain seperti Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]. Lanjutan itu, pemansuhan Akta ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019 telah meluluskan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 secara undian belahbahagian dengan 92 ahli Parlimen bersetuju dan 51 tidak bersetuju. Di Dewan Negara pada 19 Disember 2019 telah meluluskan RUU tersebut setelah kali kedua dibawa ke persidangan Dewan Ngaru.. Seterusnya Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020 [*Akta 825*] mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 Januari 2020 dan diwartakan pada 30 Januari 2020.

3. Selain menggunakan instrumen perundangan melalui Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia untuk menangani penularan berita tidak benar. Pelbagai bahan penyampaian maklumat juga digunakan seperti video, kapsul dan infografik kesedaran awam dan langkah-langkah pencegahan dalam pelbagai bahasa. Antaranya melalui portal Sebenarnya.my dan kempen #myviralvow dijalankan sejak tahun 2017 untuk mendidik warganet supaya lebih cakna dalam penggunaan Internet. Ini adalah selaras dengan matlamat untuk memastikan masyarakat mendapat berita dan maklumat yang sahih, ditentusahkan dan terkini.

4. Berkaitan dengan cadangan untuk mengembalikan Akta Antiberita Tidak Benar 2018, perlu diberi penelitian dari semua aspek termasuk keperluan rakyat dan perundangan bagi mengelakkan isu pertindihan fungsi dengan mekanisme sedia ada yang dilaksanakan Kerajaan untuk mengawal berita tidak benar pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.